

UCAPAN OLEH: DATO SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: PERASMIAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN MIC YANG KE-53

TEMPAT: DEWAN MERDEKA, PWTC, KUALA LUMPUR

TARIKH: 31 JUL 1999

MASA:

Saya ucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pusat MIC kerana menjemput saya untuk merasmikan Perhimpunan Agung MIC yang ke-53 pada hari ini. Saya berpendapat ini merupakan satu peluang yang baik bagi saya menilai prestasi parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) di samping membolehkan saya berkenalan dan beramah mesra dengan lebih rapat lagi dengan para pemimpin dan anggota parti. Dengan peluang ini dapatlah saya mengetahui dengan lebih terperinci isu-isu semasa yang melibatkan masa depan masyarakat India Malaysia khususnya.

2. Saya percaya perhimpunan Agung MIC ini akan memberi tumpuan kepada usaha-usaha untuk membangun dan memajukan mereka dalam masyarakat India Malaysia yang ketinggalan dalam arus pemodenan negara. Saya berharap para anggota MIC juga akan memberi perhatian mendalam atas segala isu yang dibincangkan atau dibahaskan.

3. MIC walaupun menjadi rakan ketiga terbesar semasa Perikatan ditubuh telah memainkan peranan yang penting dalam menentukan kemenangan dan kejayaan Barisan Nasional. Ini adalah kerana di mana pengundi Melayu atau pengundi Cina menjadi majoriti dan biasanya calon BN melawan calon parti pembangkang yang terdiri daripada kaum majoriti ini, MIC boleh memberi apa yang boleh dianggap sebagai 'casting vote'. Di sebaliknya kaum keturunan India tidak mempunyai satu pun kawasan yang majoriti penduduknya terdiri daripada kaum India. Lagipun kaum India terbahagi kepada terlalu banyak parti politik. Oleh itu calon MIC perlu kepada sokongan pengundi Melayu dan Cina. Oleh kerana pengundi keturunan India memberi sokongan kepada calon BN daripada kaum lain, maka pengundi Melayu dan Cina akan menyokong dan memberi kemenangan kepada calon BN dari MIC. Saya harap semua pengundi keturunan India akan sokong MIC dan calon-calon BN yang lain.

4. Di sini saya ingin mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Dato Seri Samy Vellu kerana kepimpinannya yang cemerlang dalam menerajui MIC dan mengukuhkan perpaduan para anggotanya. MIC telah melakukan pelbagai usaha untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat kaum India ke taraf yang lebih tinggi dan memuaskan. Sesungguhnya Dato Samy bukanlah seorang ahli

politik yang mudah ditandingi. Beliau berani, 'vocal', dan tidak segan silu menyatakan pendapatnya yang biasanya secara berterus terang walaupun ia kadangkala agak kontroversial. Selain kemampuan beliau menerajui salah sebuah kementerian yang amat penting, kita juga akui kemampuan beliau selama ini dalam memajukan masyarakat India supaya setaraf dengan masyarakat daripada kaum-kaum yang lain di negara ini.

5. Walaupun negara kita mempunyai rakyat berbilang kaum, masing-masing kaum tetap berpeluang menikmati hasil kemajuan dan kemakmuran negara. Sebagai sebuah parti yang berkesan, MIC sejak berpuluh-puluh tahun dahulu lagi telah berjaya menjaga kepentingan masyarakat Malaysia keturunan India. Kejayaan ini telah membantu Kerajaan Barisan Nasional mengekalkan perpaduan dan keharmonian kaum di negara ini. Oleh kerana MIC benar-benar mewakili masyarakat India di negara inilah maka banyak kehendak dan permintaan masyarakat India yang disalurkan melalui MIC telah mendapat perhatian Kerajaan dan dilaksanakan. Malahan Kerajaan Barisan Nasional telah menjalankan berbagai-bagai program sosio-ekonomi untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat India dan ternyata ia berjaya. Ini adalah kerana walaupun MIC mempunyai hanya seorang sahaja menteri dalam kabinet tetapi Dato' Seri Samy Vellu tetap memperdengarkan suaranya membela nasib keturunan India dalam tiap-tiap mesyuarat kabinet dan berjumpa saya apabila mesyuarat tamat untuk berbincang lagi berkenaan masalah kaum India.

6. Kini kita dapati ramai profesional seperti doktor, jurutera, peguam yang terdiri daripada kaum India. Jika kita lihat perkembangan ahli-ahli profesional bagi kumpulan etnik India dalam tempoh 1995-1997, kita dapati peningkatan peratusan bagi kumpulan etnik ini dalam profesion jurutera, doktor perubatan dan peguam ialah masing-masing sebanyak 23.4 peratus (1,416-2,155), 12.1 peratus (3,069-3,856) dan 11.1 peratus (1,591-1,965). Banyak persatuan profesional dikuasai oleh kaum India dan mereka amat aktif dan agresif. Ini adalah satu contoh bahawa Kerajaan BN memberi peluang yang luas kepada mana-mana kaum untuk berjaya dalam bidang yang mereka minati. Di negara kita, mereka yang pandai menggunakan peluang-peluang yang diwujudkan oleh Kerajaan di samping berdedikasi, rajin, kreatif dan inovatif, pasti akan memperolehi kejayaan dengan cemerlang tidak kira sama ada kaum mereka kecil atau besar. Bilangan yang ramai tidak menjamin kejayaan atau keberkesanan sesuatu kaum.

7. Kerajaan Barisan Nasional telah membuktikan kemampuannya dalam menguruskan negara dengan cekap dan adil serta berjaya, terutama sekali sewaktu menangani krisis ekonomi dan kewangan. Banyak langkah yang luar biasa telah diambil oleh Kerajaan untuk menangani masalah-masalah yang timbul akibat daripada kegawatan

ekonomi itu. Walaupun dikecam dan dicemuh oleh berbagai-bagai pihak, termasuk badan-badan antarabangsa seperti Dana Wang Antarabangsa (IMF) yang disokong dan menyokong parti-parti pembangkang seperti PAS, DAP dan sebagainya, Kerajaan Barisan Nasional dengan cara tersendiri berjaya membawa negara keluar dari kemelut ekonomi ini. Kini sudah terdapat beberapa tanda yang menunjukkan bahawa 'the worst is now over'. Negara kita telah bangun semula.

8. Ternyata kejayaan ini adalah hasil kekuatan Barisan Nasional dan Kerajaan BN. Jika usaha pemulihan ekonomi cuba dibuat oleh Kerajaan yang lemah, walaupun usaha itu baik dan mampu berjaya, serangan oleh parti lawan dan rakan mereka di luar negeri akan menyukar dan menggagalkan usaha berkenaan. Tetapi oleh kerana sokongan kuat daripada majoriti yang besar BN dalam Parlimen dan dengan itu majoriti rakyat, usaha Kerajaan tidak terganggu dan dapat dijayakan. Percubaan untuk menggagalkan usaha ini melalui rusuhan di jalan-jalan raya oleh pihak tertentu dengan sokongan dan bantuan orang asing juga tidak berjaya kerana kesetiaan semua parti-parti komponen BN. Inilah kebaikan yang datang daripada pemberian majoriti yang besar kepada BN. Tanpa majoriti ini Kerajaan mungkin ditumbang dan Kerajaan yang lebih sedia tunduk kepada kuasa asing akan mengambil alih dan menyerah negara kepada kuasa asing. 9. Dalam pada itu kita semua harus juga berwaspada terhadap tindak-tanduk anasir-anasir jahat di dalam dan luar negara yang masih terus mencuba mengkhianati negara kita. Oleh itu kita harus sentiasa awasi golongan ini termasuk parti pembangkang yang sekarang sedang cuba menawan hati dan fikiran rakyat dengan janji-janji manis. Golongan ini akan menjanjikan gunung kepada rakyat walaupun mereka tahu janji yang mereka buat tidak mungkin ditunaikan oleh mereka kerana mereka sudahpun akui bahawa mereka tidak mungkin menjadi Kerajaan Malaysia selepas pilihanraya. DAP berkata mereka hanya ingin mengurangkan majoriti BN bawah daripada dua pertiga. PAS terus hidup dalam angan-angan. Keadilan tidakpun diberi tempat oleh DAP dan PAS. Harapan mereka ialah akan ada sebilangan kecil yang akan terperdaya oleh mereka dan dengan itu menambah undi mereka atau menambah sedikit kerusi mereka.

10. Bukanlah mudah untuk mengurus negara dengan adil dan saksama di samping perlu menjaga hati setiap kaum. Bukan senang hendak memastikan setiap kaum yang berbeza latar belakang sosio-ekonomi dan adat resam untuk tidak ketinggalan dalam arus pembangunan. Bukan senang mentadbir negara yang berbilang kaum kerana kemahuan setiap kaum ini berbeza-beza. Jika pakatan parti lawan awal-awal lagi sudah tidak sempurna, mustahil mereka akan dapat menangani masalah-masalah negara berbilang kaum ini dengan jayanya. Justeru itu masyarakat keturunan India perlu kekalkan sokongan mereka kepada

BN. Kita sudah lihat apabila kemenangan Perikatan dahulu tidak begitu besar parti lawan berani mencetuskan huru-hara. Sebaliknya apabila kemenangan BN besar, semua masalah termasuk serangan oleh penyayang matawang asing dapat ditangani.

11. Segala usaha dan program Kerajaan diuruskan ke arah keadilan sosial, ekonomi dan politik dengan mengambil kira kepentingan semua kaum. Justeru itu diharap para pemimpin dan anggota parti MIC dapat memahami cara Kerajaan Barisan Nasional menangani masalah kaum jika ianya timbul. Janganlah ada orang India yang sengaja mencari isu untuk dibesar-besarkan semata-mata untuk menggugat kewibawaan MIC. Jika calon MIC kalah mungkin Kerajaan tidak akan mempunyai anggota Kerajaan daripada kaum India. Janganlah salahkan BN dan kaum-kaum lain jika ini berlaku.

12. Parti lawan bukan pilihan untuk kaum India. Mereka tidak bersepat dan hanya mendirikan pakatan menjelang pilihanraya. Lepas pilihanraya mereka akan berpecah dan masing-masing akan membawa diri. Bagi mereka yang penting hanyalah menambah undi dan mendapat tambahan kerusi sedikit, bukan bekerjasama untuk mendirikan Kerajaan dan melaksana program pembangunan bagi negara Malaysia dengan penduduk berbilang bangsanya.

13. Saya percaya MIC akan terus memberi kerjasama dan berusaha dengan lebih kuat lagi untuk memelihara keharmonian serta perpaduan kaum supaya Kerajaan Barisan Nasional dapat terus membangunkan negara demi kepentingan masyarakat Malaysia amnya dan juga masyarakat India. Tiada lagi pilihan bagi kaum India Malaysia selain Barisan Nasional untuk memperjuangkan aspirasi dan harapan serta nasib anak cucu mereka di masa depan di negara kita di bumi bertuah ini.

14. Parti lawan bukan pilihan. Mereka sudahpun menunjuk sikap tidak toleran terhadap orang lain. Sementara mereka mahu Kerajaan BN bersikap liberal, mereka berjanji akan tutup semua akhbar, radio dan TV yang tidak menyokong mereka. Kerajaan mereka tetap akan jadi Kerajaan diktator yang tidak akan membenarkan kebebasan bersuara dan mengadakan akhbar parti lawan. Semua kebebasan lain tentu akan dihapuskan oleh mereka. Apakah kaum India akan lebih bebas di bawah Kerajaan parti lawan? Kita tahu DAP umpamanya adalah milik Lim Kit Siang dan keluarganya. Tidak siapa boleh menentanginya. Dinasti Kit Siang akan mengetuai DAP selama-lamanya. Orang keturunan India yang ada dalam DAP hanya boleh berada jika menyokong Kit Siang. Bukan negara, bukanpun parti DAP yang penting. Yang penting ialah Kit Siang. Saya harap orang keturunan India tidak akan terpedaya dengan janji DAP dan pakatan pembangkang.

15. Dengan harapan bahawa masyarakat India akan bersama-sama dengan MIC dan menyokong Kerajaan Barisan Nasional dalam menjayakan wawasan rakyat Malaysia, saya dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan MIC ke-53.